

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH / HARI : 6 APRIL 2017 ( KHAMIS )

## Pengguna sambut baik perkhidmatan

6/4/2017  
BT

**Shah Alam:** Perkhidmatan bas elektrik percuma yang bermula 1 April lalu di bandar raya ini, disambut baik penduduk yang menyifatkannya sebagai berkesan dalam menangani masalah pencemaran udara di kawasan bandar berikutan peningkatan dalam bilangan kenderaan.

Rata-rata mereka yang ditemui berkata, pengalaman menaiki bas itu sebagai sesuatu yang dianggap luar biasa berbanding bas yang bersumberkan bahan api diesel.

Pengguna, Nurul Atiqa Azhar, 26, berkata bas itu lebih senyap sekali gus membuatkan mereka yang menaikinya dapat merasai satu pengalaman baharu.

“Bas ini lebih mesra alam sekitar sesuai konsepnya yang mahu mengurangkan pelepasan karbon.

“Lebih menguntungkan, pengguna boleh menaikinya secara percuma malah turut diberikan kemudahan melayari internet,” katanya ketika ditemui di sini, semalam

### Usaha baik

Seorang lagi pengguna, Rohaida Baharum, 57, berkata perkhidmatan bas itu adalah satu usaha yang baik dan perlu dicontohi pihak berkuasa tempatan. (PBT) lain.

Persekitaran tidak akan tercemar dengan asap dan pengguna juga mendapat manfaat apabila menaikinya.

“Saya teruja sewaktu menaikinya kerana ia pengalaman perfama dan berharap bilangan bas ini ditambah supaya ia dapat meliputi lebih banyak kawasan di bandar raya ini,” katanya.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH / HARI : 6 APRIL 2017 (KHAMIS)



Ahmad Zaharin (kanan) bersama Pegawai Majlis Perbandaran Shah Alam meninjau bas elektrik selepas menaiki mengelilingi pusat Bandar Raya Shah Alam dalam lawatan turun padang Datuk Bandar Shah Alam.



Ruang dalaman bas elektrik yang selesa dan mesra pengguna OKU.

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

Fakta  
nombor

67  
PENUMPANG

mampu dimuatkan  
dalam satu-satu  
masa

200  
KILOMETER

bagi setiap kali ia  
dicas dan ia  
mengambil masa  
lima jam bagi  
proses pengecasan  
bateri